




SK CATHOLIC ENGLISH PENDIDIKAN MORAL TAHUN 4


**PdPR Minggu 17
Khamis 27hb Mei 2021**

UNIT 8 KEADILAN JIRAN YANG ADIL


Disediakan oleh Cikgu Hamisah

Fahami situasi di dalam gambar di bawah. Terangkan tindakan yang patut kamu ambil bagi menunjukkan sikap adil.







Kamu sudah merasa kenyang dalam satu majlis anjuran kejiranan kamu. Kamu terasa ingin makan lagi apabila melihat banyak lagi makanan di atas meja sedangkan ramai tetamu yang masih belum makan lagi.



Kamu ternampak jiran kamu sedang berpeluh-peluh membetulkan rantai basikalnya yang putus. Jiran kamu itu tidak suka bergaul dengan orang lain.



Nenek kamu membawa banyak buah rambutan dari kampung. Ayah kamu menyuruh kamu membahagikannya kepada jiran yang terdekat dengan adil tetapi kamu hanya mahu memberikan buah itu kepada jiran yang kamu suka sahaja.



Kamu dipilih sebagai pengadil bagi pertandingan pingpong. Rakan baik kamu turut serta dalam pertandingan itu. Namun dia telah melakukan kesilapan. Kamu ingin membantunya untuk menang dalam pertandingan itu.

#STAYSAFE
#STAYATHOME
#KITAJAGAKITA

